



SIARAN MEDIA

PERALIHAN KEPADA TENAGA LESTARI TUNJANG ASPIRASI NEGARA NEUTRAL KARBON

YAB Perdana Menteri Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob menyeru semua pihak berkepentingan untuk memanfaatkan kelebihan daya saing yang dimiliki oleh Malaysia untuk merangsang perkembangan dan pembangunan industri tenaga lestari bagi menyokong aspirasi negara ke arah neutral karbon pada tahun 2050. Beliau juga menyatakan bahawa tumpuan dan fokus kepada pembangunan tenaga lestari akan menarik pelaburan hijau dan bernilai tinggi ke Malaysia selaras dengan kehendak semasa masyarakat global. YAB Perdana Menteri berpendirian demikian semasa beliau merasmikan Persidangan Tenaga Lestari Antarabangsa Ke-5 atau *5th International Sustainable Energy Summit (ISES)* di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada pagi ini.

YAB Perdana Menteri juga berkongsi pandangan bahawa trend semasa dunia begitu agresif dalam mengurangkan jejak karbon, khususnya dalam pembangunan dan pelaburan untuk menggunakan elektrik dari sumber lestari. Peningkatan dalam pelaburan serta permintaan bekalan elektrik hijau akan membuka peluang ekonomi dan perniagaan baharu kepada pemain industri Tenaga Boleh Baharu (TBB) tempatan. Oleh itu, Malaysia perlu menambah baik kerangka dasar dan regulatori pembekalan elektrik sedia ada agar ia selaras dengan keperluan dan permintaan semasa untuk menarik pelaburan hijau yang bernilai tinggi ke negara ini. Perdana Menteri juga yakin, sekiranya Malaysia berjaya menetapkan satu dasar peralihan tenaga yang berdaya maju, negara ini mampu menarik syarikat korporat global yang memerlukan bekalan elektrik hijau datang untuk melabur.

Seterusnya, YAB Perdana Menteri turut mengumumkan beberapa program serta pembaharuan dalam sistem pembekalan elektrik negara untuk menyokong usaha peralihan tenaga iaitu:

- (i) kelulusan peruntukan dan pengagihan semula kuota TBB sebanyak 1,200 MW bagi sumber solar di bawah program-program berikut:
 - a. mekanisme sedia ada termasuk *New Enhanced Dispatch Arrangement (NEDA)* dan pemasangan solar di bumbung bangunan;
 - b. mengenal pasti dan meneroka program-program TBB baharu seperti pembangunan taman solar, pembekalan elektrik hijau untuk kegunaan pusat-pusat data baharu serta penjanaan hidrogen hijau; dan

 KeTSAMalaysia  KeTSAMalaysia  ketsa.malaysia  ketsamalaysia1



- c. pelaksanaan opsyen baharu perolehan bekalan elektrik hijau kepada syarikat korporat melalui konsep Perjanjian Pembelian Tenaga Maya atau *Virtual Power Purchase Agreement (VPPA)*, mulai suku tahun keempat 2022, dengan tawaran kuota 600MW.
- (ii) melaksanakan inisiatif perintis pembangunan Pulau Tenaga Hijau di Pulau Redang dan Pulau Perhentian, Terengganu bagi menyediakan bekalan elektrik yang konsisten, mampu bayar dan rendah karbon;
- (iii) membangunkan kerangka *Renewable Energy Certificate (REC)* dengan tadbir urus dan kawal selia yang jelas dan teratur untuk memastikan REC yang dihasilkan di negara ini mempunyai kredibiliti, telus dan nilai yang tinggi;
- (iv) menetapkan kerangka perundangan untuk kawal selia keselamatan pembangunan infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik (EV) dengan penyediaan Garis Panduan Pembangunan Infrastruktur EV di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 [*Akta 447*] dan akan dikuatkuasa pada suku tahun keempat tahun 2022.

Dalam ucapan perasmiannya, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob turut menyatakan penganjuran Persidangan ISES 2022 adalah bertepatan dengan perkembangan semasa global yang rancak membincangkan usaha peralihan tenaga bagi mengurangkan pelepasan gas rumah kaca, selain menyokong komitmen aspirasi negara menjadi negara neutral karbon menjelang tahun 2050.

Majlis perasmian Persidangan ISES Ke-5 dengan tema "Memperkasa Peralihan Tenaga" atau "*Empowering Energy Transition*" dianjurkan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) dan *Sustainable Energy Development Authority (SEDA)* Malaysia turut dihadiri oleh YB Datuk Seri Takiyuddin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli serta Tuan Yang Terutama Francesco La Camera, Ketua Pengarah International Renewable Energy Agency (IRENA).

Semasa ucapan pembukaan, YB Datuk Seri Takiyuddin Hassan telah menegaskan kepentingan usaha pemain industri bekalan elektrik dalam menyokong hasrat Kerajaan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah kaca serta merealisasikan aspirasi negara ke arah karbon neutral pada tahun 2050. Ujar beliau, komitmen ini memerlukan gandingan usaha semua pemegang taruh dalam bidang tenaga lestari dan berharap agar persidangan ISES kali ini akan membuka ruang perbincangan serta mewujudkan jalinan hubungan baharu bagi menyokong usaha untuk memperkasakan agenda peralihan tenaga di negara kita.

Ketua Pengarah IRENA dalam ucaptamanya pula, telah berkongsi mengenai prospek dan pilihan laluan peralihan tenaga yang boleh dipelopori Malaysia merangkumi:

- (i) permintaan tenaga di Malaysia diunjurkan akan meningkat pada tahun 2050 selaras dengan pelaksanaan dasar elektrifikasi dan perluasan inisiatif kecekapan tenaga;
- (ii) Campuran kapasiti terpasang TBB pada tahun 2050 dalam pembekalan elektrik akan mencapai 70%, dengan 51% penjanaan daripada sumber TBB boleh ubah (*variable Renewable Energy*);
- (iii) sumber penjanaan daripada solar dan jana kuasa hidro akan menjadi teknologi TBB utama yang menunjangi usaha peralihan tenaga yang diunjurkan tersebut;
- (iv) usaha untuk meningkatkan penetrasi kenderaan serta pembangunan infrastruktur dan rangkaian pembekalan EV perlu dipercepatkan, selain mengembangkan program bio bahan api sedia ada bagi membuka peluang untuk penghasilan hidrogen hijau;
- (v) pelaburan yang diunjurkan bagi menjayakan usaha peralihan tenaga sehingga 2050 adalah berjumlah USD378 bilion dengan sebahagian besar pelaburan berjumlah USD183 bilion diperlukan untuk usaha menaik taraf dan meningkatkan keanjalan sistem grid pembekalan elektrik;
- (vi) pelaburan yang diperlukan bagi penerapan teknologi TBB dan usaha peralihan tenaga yang tinggi boleh diimbangi melalui penjimatan kos sistem, pengurangan kos bahan api serta kos subsidi.

Persidangan ISES 2022 menyediakan 4 sesi perbincangan panel utama dengan 10 bengkel perbincangan khas yang dihadiri oleh ahli-ahli panel terkemuka, wakil kedutaan, pemain industri dan intelektual, dari dalam dan luar negara. Persidangan ini telah mencipta sinergi yang diperlukan oleh pemain industri dan pemegang taruh sektor tenaga lestari untuk menjalin kolaborasi dan kerjasama ke arah merealisasikan aspirasi negara menjadi neutral karbon menjelang 2050.

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

29 OGOS 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli | Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web www.ketsa.gov.my

 KeTSAMalaysia  KeTSAMalaysia  ketsa.malaysia  ketsamalaysia1

